

BH 22/11/2012 V7

Malaysia yang diwakili Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul tempat ketiga peringkat kumpulan dalam Piala Dunia Pelajar Dalam Perusahaan Bebas (SIFE) 2012 di Pusat Konvensyen Walter E Washington, Washington DC, Amerika Syarikat, baru-baru ini.

UMS yang juga juara kebangsaan tahun ini, bersaing dengan 38 universiti yang mewakili negara masing-masing dalam pertandingan berprestij yang mendapat liputan meluas di seluruh dunia itu.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur, berkata kejohanan itu turut dimanfaatkan oleh universiti itu untuk membuat rangkaian dan hubungan kerja sesama mahasiswa pada peringkat global.

Beliau yang juga ketua delegasi negara berkata, hubungan yang terjalin memberi ruang dan peluang khususnya kepada pelajar untuk mewujudkan pertukaran maklumat dan idea sesama mereka.

"Penyertaan dalam Piala Dunia SIFE 2012 menjadikan UMS semakin dikenali pada peringkat global kerana senarai universiti mengambil bahagian terpampang dalam laman sesawang rasmi Piala Dunia SIFE yang boleh dilaya-

UMS cemerlang di Washington



Pasukan UMS muncul tempat ketiga peringkat kumpulan Piala Dunia SIFE 2012 bersama dengan Norela (tiga dari kiri) di Pusat Konvensyen Walter E Washington, Washington DC, Amerika Syarikat.

ri menerusi www.sife.org.

"Kejohanan itu turut mendapat liputan meluas media di seluruh dunia termasuk ada yang menemu bual peserta negara kerana tertarik dengan projek dilaksanakan seterusnya dibentangkan dalam pertandingan itu," katanya menerusi e-mel kepada Varsiti.

UMS yang diwakili 13 pelajar, dua penasihat akademik dan seorang pegawai HEPA turut diraikan dalam majlis makan malam oleh Pengarah Negara, Yayasan

SIFE Malaysia, Prof Madya Datin Norela Nuruddin di sini.

Manfaat kepada rakyat

Pada masa sama, pendedahan dalam pertandingan berdaya saing seperti SIFE 2012 itu membantu membangunkan potensi pelajar untuk bersaing di persada global dan mencapai kecemerlangan lebih besar pada masa depan.

Dr Kassim berkata, sokongan pengurusan tertinggi universiti secara umum dan

bimbingan yang berterusan daripada Jabatan HEPA khususnya Pusat Pembangunan Keusahawanan Pelajar amat diperlukan untuk memastikan kelestarian pasukan pada masa depan.

"Pasukan SIFE UMS perlu mewujudkan jaringan kerjasama dengan sektor swasta yang terkemuka serta mempunyai kepakaran khusus dan juga NGO untuk pemantapan keusahawanan sosial khususnya di Sabah," katanya.

Di samping itu, apa yang penting ialah metodologi dan

teknik pembentang perlu ditingkatkan bagi menghasilkan pembentangan yang lebih berkesan, selain usaha untuk menambah keahlian SIFE dalam usaha melestarikan pasukan SIFE UMS.

Ahli SIFE UMS juga perlu menambah dan mempelbagaikan kegiatan keusahawanan sosial dalam usaha untuk memilih kes yang berimpak tinggi dan mengenal pasti bakat pembentang muda yang berkebolehan tinggi.

Beliau berkata, penyertaan dalam temasya itu turut mengharumkan nama negara di persada antarabangsa sebagai sebuah negara yang mempunyai daya saing tersendiri dalam bidang akademik.



Dr Kassim

"Dalam pertandingan peringkat kebangsaan, SIFE UMS muncul juara selepas berjaya mengalahkan 28 institusi pengajian tinggi (IPT) dalam pertandingan Maybank-SIFE Malaysia 2012. Ini penyertaan kedua UMS dalam Piala Dunia SIFE selepas 2009," katanya.

INFO

SIFE UMS

⊙ **Projek** yang dibentangkan dalam pertandingan kali ini memberi impak positif kepada ekonomi rakyat negara ini khususnya Sabah meliputi sektor pelancongan dan pelaburan langsung asing, selain pertukaran pelajar dengan universiti pada peringkat global.

⊙ **UMS membentangkan tiga projek keusahawanan** dan komuniti yang berjaya meningkatkan taraf hidup lebih 1,500 masyarakat di tiga daerah iaitu Kota Belud, Tuaran dan Ranau.

⊙ **Projek berkenaan ialah Eco-Purse Fasa 2 di Pulau Mantanani, Kota Belud** yang berjaya menghasilkan pembungkus plastik mudah reput bagi mengurangkan longgokan sampah di pulau itu.

⊙ **Borneo Coco pula ialah projek untuk membantu 30 usahawan perusahaan kecil** dan sederhana (PKS) yang terbabit dengan pembuatan puding kelapa di Jalan Sulaman, Tuaran.

⊙ **Projek Bio Energy menggunakan tahi lembu** pula menghasilkan biogas untuk membantu komuniti di Kampung Maridi, Ulu Sugut, Ranau dengan membekalkan biotenanaga menerusi bimbingan Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah